



Ruj. Kami : KKM 87/A9/7/277 JLD 2 (38)

Tarikh : 25 Januari 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

PEMATUHAN KEPADA AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA 1998 (AKTA 586) BAGI KONTRAK ANTARA PEMEGANG PERAKUAN PENDAFTARAN DAN PEMEGANG LESEN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA DENGAN ORGANISASI JAGAAN YANG DIURUS

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Susulan daripada isu yang timbul antara pengamal perubatan am swasta dan organisasi jagaan yang diurus (MCO), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengingatkan pengamal perubatan am swasta dan MCO, agar kontrak yang ditandatangani antara kedua-dua belah pihak hendaklah tidak melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian XV Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

3. Subseksyen 83(1) Akta 586 menyatakan bahawa pemegang lesen sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau pemegang sesuatu perakuan pendaftaran tidak boleh membuat kontrak atau membuat perkiraan dengan mana-mana organisasi jagaan yang diurus yang boleh menyebabkan:-

(a) perubahan kuasa pengamal perubatan berdaftar atau pengamal pergigian mengenai pengurusan perubatan atau pergigian pesakit sebagaimana yang terletak hak dalam perenggan 78(a), dan perubahan kuasa pengamal perubatan berdaftar atau pengamal perubatan berdaftar pelawat mengenai pengurusan jagaan perubatan pesakit sebagaimana yang terletak hak dalam perenggan 79(a) dan 80(a);

(b) perubahan dalam peranan dan tanggungjawab jawatankuasa Jawatankuasa Penasihat Perubatan atau Pergigian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 78, Jawatankuasa Penasihat Jagaan Perbidanan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 79 atau Jawatankuasa Penasihat kejururawatan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 80;

(c) pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini dan peraturan yang dibuat dibawah Akta ini;

(d) pelanggaran kod etika mana-mana badan pengawalselian profesion bagi profesion perubatan, pergigian, kejurawatan atau perbidanan atau mana-mana badan pengawalselian profesion jagaan kesihatan lain; atau

(e) pelanggaran mana-mana undang-undang bertulis lain.

5. Pemegang lesen atau pemegang perakuan pendaftaran atau organisasi jagaan yang diuruskan yang membuat kontrak atau membuat apa-apa perkiraan dengan melanggar subseksyen 83(1) boleh dikenakan tindakan di bawah subseksyen 83(2) Akta 586.

6. Pemegang lesen sesuatu kemudahan atau perkhidmatan jagaan kesihatan swasta atau pemegang sesuatu perakuan pendaftaran dan MCO juga diingatkan agar memastikan kontrak atau apa-apa perkiraan antara kedua-dua pihak tidak mengandungi unsur-unsur 'pembahagian fi' atau 'fee splitting' dan perlulah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak serta tidak ada unsur-unsur pengabaian atau bertentangan dengan profesionalisme dan kod etika pengamal perubatan.

7. Kerjasama daripada semua pemegang perakuan pendaftaran dan pemegang lesen dan organisasi jagaan yang diurus dalam mematuhi peringatan ini adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Ukhlas,


(DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)